

Maklumat Inovasi 2011

Tajuk Inovasi	Penyeragaman Pengenalan Premis
Ketua Kumpulan	<div style="text-align: center;">  <p>Datin Dr. Maznah binti Ahmad</p> </div>
Ahli Kumpulan	<div style="text-align: center;">  <p>Dr Salina binti Amad Bugis</p> </div>
Tahun Penciptaan/ Penambahbaikan	2009 hingga sekarang
Latarbelakang	<p>Pendaftaran premis telah lama dipraktikkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Pelbagai kaedah pendaftaran telah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri mengikut Enakmen Negeri masing-masing. Lazimnya, pendaftaran premis dibuat secara manual menggunakan borang dan maklumat disimpan dalam pelbagai format seperti excel dan access.</p> <p>Bagi premis yang terlibat dalam eksport ternakan atau produk, satu nombor pengenalan akan diberikan bagi memenuhi kriteria negara pengimport yang berbeza dengan nombor pengenalan yang DVS berikan. Pada masa ini, pengenalan bagi premis pengeksporth lebih tertumpu kepada ladang ternakan ayam. Bagi ladang, abatoir dan loji pemprosesan yang menyertai skim SALT, VHM dan GVHP, premis ini juga akan didaftarkan dan diberikan nombor persijilan. Manakala premis yang tidak menyertai skim pensijilan tidak akan didaftarkan.</p> <p>Rujukan bagi seseorang penternak juga berbeza mengikut negeri. Terdapat negeri yang menggunakan nombor kad pengenalan penternak sebagai rujukan. Walaubagaimanapun, masalah timbul sekiranya ahli keluarganya mengambil alih kerja beliau dan mendaftarkan ladangnya sekali lagi. Selain itu, banyak juga sampel dihantar dan menggunakan alamat penternak sebagai rujukan. Alamat yang diberikan adakalanya</p>

	<p>tidak lengkap dan menyukarkan untuk dayajejak ke belakang sekiranya disyaki berpenyakit.</p> <p>Tanda pengenalan yang diberikan juga berbeza mengikut negeri dan hanya terhad kepada ladang ternakan. Terdapat tanda pengenalan premis yang menggunakan kayu dan zing. Bahan yang digunakan ini didapati mudah rosak, tidak unik dan tiada ciri-ciri keselamatan. Jabatan juga menghadapi kesukaran memastikan tanda pengenalan di mana ia berpotensi untuk dipadam dan ditukar. Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan cepat contohnya bilangan premis klinik haiwan yang beroperasi seluruh Malaysia. Pegawai DVS terpaksa menghubungi setiap DVS negeri untuk mendapatkan maklumat tersebut. Secara keseluruhan, pendaftaran premis adalah tidak seragam dan penggunaan tidak menyeluruh.</p> <p>Sebagai usaha bagi menambahbaik perkhidmatan veterinar yang diberikan, pengenalan premis adalah penting sebagai rujukan tunggal semua urusan dengan pelanggan DVS. Justeru, pendaftaran premis secara atas talian merupakan kaedah untuk memberikan pengenalan premis yang seragam dan teratur.</p>
<p>Ringkasan Inovasi</p>	<p>Melalui inovasi ini, premis terlibat diberi No. Pengenalan Premis yang unik, iaitu <i>Autogenerated</i>, memudahkan proses dayajejak dijalankan.</p> <p>Sebagai tanda pengenalan premis, satu rekabentuk tanda pengenalan premis (Kad Pengenalan Premis) yang seragam telah direka yang memiliki ciri-ciri berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mempunyai nombor pengenalan yang unik dan dikawal secara berpusat. ii. Menggunakan kombinasi teknologi RFID dan barkod sebagai mekanisme dayajejak. iii. Tahan lasak. <p>Penggunaan teknologi Radio Frequency Identification (RFID), barkod, bacaan GPS telah memantapkan lagi proses dayajejak dari satu premis ke premis yang lain.</p> <p>Setiap premis di bawah Modul Pendaftaran Premis Haiwan yang digunakan untuk menjalankan aktiviti berkaitan haiwan seperti aktiviti penternakan, penyedia perkhidmatan, pemprosesan dan rekreasi akan diberikan tanda pengenalan melalui pendaftaran premis secara atas talian. Melalui penyeragaman dari Ibu Pejabat Veterinar Malaysia, tiada duplikasi pada pengenalan premis di seluruh Negara. Bagi menyeragamkan proses pendaftaran premis, satu database secara atas talian telah dibangunkan untuk digunakan oleh seluruh perkhidmatan veterinar negeri. Sistem e-premis telah dibangunkan pada tahun 2009 dan telah mula digunakan untuk mendaftarkan premis pada tahun yang sama. Sehingga September 2011, lebih 27,000 premis telah didaftarkan meliputi 29 klasifikasi premis. Keterangan mengenai setiap klasifikasi premis ini seperti diterangkan dalam Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia: Pengenalan dan Dayajejak Haiwan, Hasil dan Produk serta Premisnya (No. Dokumentasi: APTVM 20(b):1/2010).</p>
<p>Faedah Inovasi</p>	<p>Pendaftaran premis dan tanda pengenalan premis yang diberikan digunakan sebagai rujukan tunggal untuk:</p>

	<ul style="list-style-type: none"> a) Dayajejak penyakit, haiwan dan produk haiwan b) Pelaporan penyakit c) Penghantaran sampel ke makmal d) Menentukan premis melalui bacaan GPS e) Bancian premis dan ternakan f) Permohonan permit dan sijil kesihatan veterinar g) Pendaftaran haiwan/haiwan kesayangan h) Pengurusan indeks penyakit (IP) i) Pemantauan pemindahan haiwan/ produk haiwan (permit) j) Merancang program kesihatan haiwan k) Kawalan wabak penyakit haiwan l) Rancang kesiapsiagaan wabak penyakit <p>Kad premis dapat digunakan sebagai tanda pengenalan premis yang seragam dalam Jabatan Perkhidmatan Veterinar.</p> <p>Maklumat premis yang diperolehi dapat dikongsi dengan agensi lain spt Jabatan/Kementerian lain, universiti, PBT dan juga Badan bukan Kerajaan.</p>
Status Komersil (jika ada)	-
Pencapaian / Anugerah (jika ada)	-
Maklumat Lanjut	<p>Nama : Datin Dr. Maznah binti Ahmad Alamat : Bahagian Pengurusan Biosekuriti Dan SPS, Aras 5, Blok Podium 1A, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62630 Putrajaya. No. Tel : 03-88702007 No. HP : No. Faks : 03-88886472 Email : maznah@dvs.gov.my Website :</p>

Gambar Produk
Inovasi

1. No. Pengenalan Premis yang Unik
- *Autogenerated*


M 00105

Kod	No. Premis
Negeri	autogenerated

2. Tanda Pengenalan Premis yang seragam dan tahan lasak



Kad RFID Premis



Kod Premis



KAEDAH MEMBACA KOD PREMIS



BORANG PENDAFTARAN PREMIS - TAMBAH MAKLUMAT

Sila isikan maklumat dengan menggunakan HURUF BESAR

KLASIFIKASI PREMIS: *

MAKLUMAT PREMIS	
NAMA PREMIS: *	<input type="text"/>
ALAMAT PREMIS: *	<input type="text"/>
POSKOD:	<input type="text"/>
NEGERI: *	<input type="text" value="SILA PILIH"/>
DAERAH: *	<input type="text" value="SILA PILIH"/>
MUKIM:	<input type="text" value="SILA PILIH"/>
BANDAR:	<input type="text" value="SILA PILIH"/>
PARLIMEN:	<input type="text" value="SILA PILIH"/>
NO. PARLIMEN:	<input type="text" value="SILA PILIH"/>
DUN:	<input type="text" value="SILA PILIH"/>
NO. DUN:	<input type="text" value="SILA PILIH"/>
NO. SALT / VHM / GVHP (jika ada):	<input type="text"/>
NO. LESEN PENDAFTARAN PREMIS / KOD LADANG (jika ada):	<input type="text"/>

3. Pendaftaran Premis Secara Atas Talian